

ISI Kandungan Terombo tidak akan diumumkan

13/4/87

SEREMBAN, Ahad — Datuk Andika Mendelika Fadzil Nordin dan Waris-Waris Nan Tertua Waris Negeri di Darat Luak Sungai Ujong tidak akan mengumumkan isi kandungan Terombo luak itu kerana ia adalah bercanggah dengan aturan adat.

Jurucakap Waris-Waris itu berkata Datuk Andika Mendelika Fadzil juga tidak bercadang mengadakan dialog dengan anak-anak Waris Perut Ulu daripada Rumpun Tinggang, Dusun dan Nyonyoi.

Aturan adat luak itu menggariskan bahawa hanya Datuk Kelana (Undang) berhak mem-

beri penjelasan lanjut mengenai isi kandungan Terombo Luak Sungai Ujong.

Ini, jelasnya adalah selaras dengan kata adat 'Undang yang berterombo, maka Undang juga yang bersabda'.

"Kedudukan Datuk Andika Mendelika di segi adat hanyalah sebagai Lembaga sahaja dan dengan itu beliau tidak berhak mengumumkan isi kandungan Terombo Luak Sungai Ujong kepada mana-mana pihak.

"Ini adalah selaras dengan kata adat 'Lembaga bersekat (kuasanya terhad), Undang pula berkelantasan (kuasanya tidak terhad)," katanya.

Mengehal dialog yang

dicadangkan oleh anak-anak Waris Perut Ulu daripada ketiga-tiga Rumpun berkenaan, jurucakap itu menjelaskan ia tidak perlu diadakan kerana mereka adalah Waris Lingkungan.

Menurut aturan adat Luak Sungai Ujong, anak-anak Waris Lingkungan tidak berhak menyertai urusan pemilihan Datuk Kelana dan dengan itu dialog berkenaan, jika diadakan tidak akan mendatangkan sebarang faedah.

Mengelirukan

Jurucakap itu juga menafikan dakwaan anak-anak Waris daripada ketiga-tiga Perut berkenaan bahawa usaha-usaha sedang dijalankan oleh sekumpulan anak-anak Waris Perut Ulu untuk memalsukan Terombo Luak Sungai Ujong bagi tujuan tertentu.

"Tidak ada sesiapa pun yang boleh memalsukan Terombo itu kerana aturan Adat Luak Sungai Ujong adalah berlandaskan kepada Sistem Adat Perpatih yang mengamalkan kata Berterombo, Bersalasilah, Berundang dan Berkeadilan.

"Sebaliknya kami difahamkan bahawa anak-anak Waris Lingkungan termasuk seorang Buapak mereka, Datuk Panglima Chinchang Mohamad bin Aman daripada Rumpun Nyonyoi yang cuba mengelirukan perjalanan adat di Luak Sungai Ujong," jelasnya.